

# Shahrir pertikai keputusan Majlis Tertinggi

**BH** 25 JAN 2000  
JOHOR BAHRU, Isnin - Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad mempertikaikan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno menasihatkan tidak ada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada perhimpunan parti itu Mei depan.

Beliau yang juga bekas Menteri Kebajikan Masyarakat berkata, tugas dan tanggungjawab MT ialah mentadbir parti bagi memastikan ahli mengikut peraturan dan perlembagaan parti.

Persoalan di sini ialah bagaimana MT boleh menasihatkan tidak ada pertandingan bagi jawatan nombor satu dan dua dalam parti pada perhimpunan nanti.

"Walhal dalam perlembagaan parti membolehkan kedua-dua jawatan itu dipertandingkan jika ada pencalonan. Kita bercakap soal demokrasi, tapi apa yang telah diputuskan oleh MT adalah sebaliknya," katanya di sini hari ini.

MT pada mesyuaratnya 4 Januari lalu mengesyorkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikekal-

kan sebagai presiden parti, manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan jawatan timbalan presiden.

Bagaimanapun, sejak itu, banyak pihak menyuarakan rasa tidak puas hati dengan keputusan MT dan berpendapat jawatan kedua tertinggi parti itu perlu dipertandingkan.

Sehubungan itu, Abdullah menyerahkan kepada Umno bahagian untuk memutuskan sama ada perlu atau tidak jawatan itu dipertandingkan pada pemilihan

parti itu.

Katanya, beliau bersedia menghadapi pertandingan jika namanya dan calon lain dikemukakan oleh Umno bahagian bagi jawatan berkenaan.

Mengenai hasratnya untuk bertanding kerusi MT, Shahrir berkata, perkara itu akan diputuskan jika ada pencalonan kelak.

"Kita tidak boleh membuat keputusan berdasarkan hipotesis semata-mata. Masanya akan tiba untuk saya umumkan jika mendapat pencalonan kelak," katanya.